



قِيَابَةُ كُنُوْا حَاكِمِيْنَ نَكْرِيْ قَوْلًا وَقِيَابَةً

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 ( 87 )

Tarikh : 27 Januari 2014  
25 Rabiulawal 1435H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar


Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

### PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 1 TAHUN 2014 PERMOHONAN SEMAKAN DAN PENGGANTUNGAN KES

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 5 Tahun 2013 pada 20 Disember 2013 dan berdasarkan Seksyen 66 & 68 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 mesyuarat telah bersetuju dan memutuskan bahawa:-

1. Pihak-pihak yang ingin membuat semakan ke Mahkamah yang lebih tinggi hendaklah memohon penggantungan kes yang berkenaan semasa prosiding di Mahkamah bicara;
2. Sama ada perintah penggantungan kes diperoleh ataupun tidak, pihak tersebut kemudiannya hendaklah memfailkan permohonan semakan ke Mahkamah yang lebih tinggi dalam tempoh 7 hari daripada tarikh permohonan penggantungan kes di Mahkamah bicara dengan mendaftarkan notis permohonan dan affidavit . Permohonan tersebut perlu difailkan bersama surat rasmi (cover letter) yang disalinkan kepada (s.k) Pendaftar Mahkamah bicara dan pihak yang satu lagi.



Certified to ISO 9001:2000  
Cert. No. AR 3103

**SYARIAH ASAS KEADILAN**  
(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

3. Setelah notis permohonan diterima dan diteliti oleh YA. Hakim Mahkamah yang lebih tinggi, beliau akan memutuskan sama ada suatu semakan perlu diadakan ataupun tidak. Sekiranya semakan perlu diadakan beliau akan memanggil fail asal dan nota keterangan serta memaklumkan kepada pihak-pihak dan Pendaftar Mahkamah bicara keputusan tersebut. Oleh itu semua prosiding kes tersebut di Mahkamah bicara digantung secara automatik.
4. Sekiranya YA. Hakim Mahkamah yang lebih tinggi memutuskan bahawa semakan tidak perlu diadakan, kes tersebut tidak akan dipanggil dan YA. Hakim akan memaklumkan kepada pihak-pihak berkaitan termasuk Hakim Mahkamah bicara (secara bersurat) bahawa kes di Mahkamah bicara akan diteruskan seperti biasa atau YA. Hakim akan memaklumkan kepada pihak-pihak kes perlu dibuat secara rayuan mengikut peraturannya.
5. Setelah selesai semakan oleh YA. Hakim, suatu perintah yang baru akan dikeluarkan. Salinan perintah ini akan diserahkan kepada pihak-pihak dalam kes tersebut serta diberikan juga sesalinan kepada Hakim Mahkamah bicara.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**  
**“ SYARIAH ASAS KeadILAN”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN )**

Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang